

DAP kekal dalam pakatan

UM 24 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – DAP buat masa ini memutuskan untuk kekal dalam pakatan pembangkang yang turut disertai Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Keputusan itu dibuat Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti itu dalam mesyuaratnya di Petaling Jaya, malam tadi.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock dalam satu kenyataan hari ini, berkata CEC memutuskan untuk berdiam diri sehingga selesai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas 29 November ini.

“Tempoh ini akan digunakan CEC bagi mengkaji semula kedudukan DAP dalam pakatan itu, terutama mengenai percanggahan dengan prinsip konsensus dan dasar perkongsian kuasa,” katanya.

Sebelum ini, DAP yang memulaukan kempen pembangkang kerana membantah keputusan pakatan itu memilih Keadilan untuk bertanding di Lunas, membayangkan untuk keluar daripada gabungan itu.

Bagaimanapun, Kerk berkata, CEC sudah membincangkannya dan memutuskan tidak membangkitkan isu itu lagi sehingga pilihan raya kecil Lunas selesai.

Kerk turut berkata, keputusan sama ada DAP kekal dalam pakatan pembangkang akan ditentukan anggota parti itu sendiri.

Keputusan DAP untuk tidak keluar daripada pakatan itu sudah pun dijangka oleh Perdana Menteri sejak isu itu mula dibangkitkan lagi.

Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar di Langkawi, Selasa lalu, berkata beliau yakin DAP tidak akan keluar daripada pakatan pembangkang kerana tindakan berkenaan akan menghilangkan terus pengaruh parti itu.

Bagaimanapun, katanya, DAP terpaksa menyerahkan kerusi itu kerana di kawasan orang Melayu ramai, mereka tidak akan mengundi DAP.

Berita Harian dalam laporannya sebelum ini turut mendedahkan bahawa tindakan DAP itu

LHAT MUKA 2

Pembangkang guna isu perkauman

DARI MUKA 1

UM 24 NOV 2000

hanya muslihat pembangkang untuk meraih undi Melayu pada pilihan raya kecil itu.

Ini kerana kehadiran DAP dikhuatiri boleh menjejaskan sokongan orang Melayu terhadap calon pembangkang yang meletakkan calon Keadilan, Saifudin Nasution Ismail yang akan berhadapan dengan calon Barisan Nasional (BN), S Anthonysamy dan calon Bebas, N Letchumanan.

DUN Lunas mempunyai 26,746 pengundi dengan Melayu seramai 12,102 (45.2 peratus), Cina 9,212 (34.4 peratus), India 5,413 (20.2 peratus) dan kaum lain 19 (0.07 peratus).

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di sini hari ini, pula berkata penarikan diri DAP daripada pilihan raya kecil itu sememangnya sudah diramalkan.

“Pakatan itu tidak ubah seperti tidur bersama tapi mimpi lain-lain. Masing-masing hanya mahu mencari

peluang menipu parti lain.

Dr Mahathir berkata, yang untung hanya Pas yang menggunakan gambar Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meraih simpati.

“Yang rugi adalah Keadilan manakala DAP hanya tumpang saja,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pembangkang juga menggunakan isu perkauman semata-mata untuk memecah-belah dan melemahkan orang Melayu.

“Mereka akan kata dah lama tak rasa wakil rakyat Melayu.

“Itulah yang mereka laungkan. Mereka kebanyakannya terdiri daripada bekas orang Umno dan saya tahu apa yang mahu diperjuangkan mereka. Tapi, kita di Umno lebih pentingkan perpaduan kaum.

“Perjuangan Keadilan hanyalah untuk membebaskan Anwar dan bukan untuk perkara lain. Sebab itu mereka seronok untuk mengadakan demonstrasi,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, yang membisu sejak tiga hari lalu, menafikan beliau bersetuju supaya Keadilan bertanding dalam pilihan

raya kecil itu.

Kit Siang membuat penafian itu bagi menjelaskan laporan muka depan *Berita Harian* hari ini berhubung pengakuan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor kononnya beliau bersetuju supaya Keadilan bertanding di Lunas.

“Jika benar kenyataan Fadzil tidak disalah lapor, apa yang

beliau katakan adalah tidak benar dan ingin saya tegaskan di sini bahawa saya tidak pernah bersetuju supaya Keadilan bertanding dalam pilihan raya kecil Lunas.

Di KULIM, Fadzil berkata, beliau memahami perasaan pemimpin tertinggi DAP yang terpaksa melepaskan kerusi Lunas untuk ditandingi Keadilan.